

Fāṭimah al-Zahrā'

Suatu Gambaran dari Riwayat Hidupnya

(3)

*“Khayru nisā’i al-‘ālamīna arba’: Maryam,
wa Asiah, wa Khadījatu wa Fāṭimah.”*

“Semulia-mulia perempuan (di antara perempuan-perempuan) seluruh
alam ialah empat orang: Maryam, Asiah, Khadījah dan
Fāṭimah al-Zahrā’” (Hadith sharīf).

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Apabila Sītī ‘Ā’ishah binti Abū Bakr al-Ṣiddīq menduduki rumah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sebagai isteri dan tuan rumah, maka pada saat itu Sītī Fāṭimah terasa bahawa masanya sudah sampai supaya dia berpindah dari rumah ayahandanya, baik secara suka atau tidak suka, dan supaya dia mengosongkan tempat itu untuk isteri ayahandanya, yang muda, cerdas dan cantik pula parasnya.

Tidak syak lagi bahawa Sītī Fāṭimah telah terkenang akan bondanya yang telah wafat, pada hari langsung perkahwinan Sītī ‘Ā’ishah dengan junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* setelah baginda beberapa bulan berhijrah ke Madinah, lalu Sītī ‘Ā’ishah mengambil tempat Sītī Khadījah di rumah tangga Nabi yang mulia itu dan juga di dalam dunianya. Harus juga Sītī Fāṭimah telah menangis pada malam itu, kemudian hatinya mulai terlipur ketika mengenangkan bahawa ayahandanya, yang sangat dikasihi dan diutamakan daripada dirinya sendiri,

akan terlipur duka nestapa ditanggungnya dengan adanya Sītī ‘Ā’ishah yang cantik manis itu, iaitu duka nestapa terhadap isterinya Sītī Khadījah yang dikasihi yang sedang ditanggung oleh baginda sepanjang lima tahun – semenjak Sītī Khadījah menutup mata.

Perkahwinan Rasulullah dengan Sītī ‘Ā’ishah tidaklah mengejutkan Sītī Fāṭimah atau siapa-siapa pun dari orang-orang Islam, kerana baginda telah meminangnya sebelum baginda berhijrah dari negeri Makkah, ketika Khawlah binti Ḥakīm datang menawarkan perkara itu kepada baginda dengan berkata:

“Ya Rasulullah, nampaknya tuan sedang menanggung duka nestapa kerana kehilangan Khadījah.”

Khawlah tidak berhenti-henti mendesak sehingga akhirnya baginda bersetuju supaya Khawlah pergi meminangkan Sawdah binti Zam‘ah, dan ‘Ā’ishah binti Abū Bakr al-Ṣiddīq untuk baginda.

Sītī Fāṭimah memang suka kiranya ayahandanya

beristeri supaya tentang¹ tenteram hatinya dan terlipur dukacitanya. Dia sedia mengetahui akan beratnya jawatan yang sedang ditanggung oleh ayahandanya dan pahit maung perjuangan yang sedang ditempuhnya. Dia juga mengetahui akan susah payah dan pedihnya penderitaan yang ditanggung oleh ayahandanya yang sedang merantau di negeri orang, jauh dari tanah airnya sendiri, lebih-lebih lagi penderitaannya dari perbuatan kejam yang dilakukan kepadanya oleh kaumnya sendiri.

Meskipun Sītī “Sawdah” – setelah diperisterikan oleh baginda – telah menduduki rumah tangga baginda sebelum Sītī ‘Ā’ishah, tetapi Sītī Fāṭimah sedar, sebagaimana juga orang lain sedar, bahawa kekosongan dalam kehidupan baginda sebagai seorang suami, masih belum dipenuhi, kerana baginda tidak

beristerikannya melainkan kerana hendak mengambil hatinya dan memeliharanya sebagai seorang perempuan Islam dari pengikut-pengikutnya yang setia, yang telah kehilangan suaminya (al-Sakrān bin ‘Amrū) sebaik-baik sahaja tiba di Makkah bersama-sama dengannya dari tempat mereka berhijrah di negeri Habsyah. Setelah kematian suaminya, tinggallah Sītī “Sawdah” sebagai seorang janda tua, yang telah menderita bertahun-tahun lamanya.

Tidak terselindung kepada Sītī Fāṭimah, *radiya Allāhu ‘anhā*, dan tidak juga terselindung kepada Sītī “Sawdah” sendiri, bahawa isteri yang baharu ini (yakni Sītī Sawdah) diikat oleh perkahwinan dengan Nabi semata-mata kerana belas kasihan baginda kepadanya bukan kerana kasih atau perpaduan hati. Maka tidak pelik kalau Sītī Fāṭimah masih menduduki tempatnya yang pertama

Baginda ‘Alī Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Saiyidina ‘Alī bin Abī Ṭālib, *karama Allāhu wajhah*, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, Abbas Mahmoud al-Aqad.

Saiyidina ‘Alī bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dalam sebuah hadisnya (riwayat al-Tirmidhī):


“*Anā dāru al-ḥikmata wa ‘Aliyyun bābuhā.*”

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan ‘Alī ialah pintunya”!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.

(Terjemahan Abdullah Basmeh)



Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.

¹ Kesalahan ejaan teks asal. Mungkin merujuk kepada ‘tenang’.

di rumah tangga ayahandanya, Rasulullah, dan tidak terasa bahawa wujud Sīṭī “Sawdah” di situ dapat mengambil tempatnya.

Tetapi apabila Sīṭī ‘Ā’ishah mula-mula menduduki rumah tangga Nabi maka perkara itu berubah keadaannya.

Tidak pelik, kalau hanya empat bulan baharu berlaku semenjak Sīṭī ‘Ā’ishah *raḍīya Allāhu ‘anhā*, diperisterikan oleh baginda lalu menduduki rumah Nabi yang mulia itu, maka Sīṭī Fāṭimah pun kelihatan bersedia untuk menduduki rumah baharunya, rumah suaminya Saiyidina ‘Alī bin Abī Ṭālib yang telah datang meminang pada saat yang memang kena pada tempatnya.

* * *

Sebenarnya Saiyidina ‘Alī, *karama Allāhu wajhah*, telah lama menunggu akan tibanya peluang yang baik seperti itu, supaya ia dapat menarik hati Sīṭī Fāṭimah al-Zahrā’, *raḍīya Allāhu ‘anhā*, untuk menerima pinangannya dan berpindah dari rumah ayahandanya ke rumah tangga suami.

Lama juga Saiyidina ‘Alī terpaksa menunggu, bertahun-tahun lamanya, sehinggalah Rasulullah beristerikan Sīṭī ‘Ā’ishah (bersatu dengannya di Madinah), baharulah timbul harapan di hati Saiyidina ‘Alī untuk menjayakan cita-citanya itu. Tetapi ia tidak dapat menyatakan hajatnya dengan serta-merta kerana dia tidak dapat menyediakan mahar atau mas kahwinnya untuk puteri Nabi. Tangannya kosong pada masa itu. Ia teragak-agak kerana didengarnya Saiyidina Abū Bakr dan Saiyidina ‘Umar, *raḍīya Allāhu ‘anhumā*, telah juga pergi meminang Sīṭī Fāṭimah kepada Nabi, silih berganti, tetapi pinangan mereka telah ditolak oleh Nabi dengan baik.

Sahabat-sahabat Saiyidina ‘Alī pula, apakala mereka

mengetahui akan hajat Saiyidina ‘Alī itu, mereka pun memberi perangsang supaya dia tampil meminang puteri Rasulullah, sambil mereka mengatakan bahawa pertalian kerabatnya dengan Nabi dan kedudukannya yang mulia di sisi Nabi sudah tentu akan memberi peluang yang baik kepadanya, dan pinangannya itu akan diterima dengan segala sukacita dan kehormatan.

“Sesudah Abū Bakr dan ‘Umar?” Bertanya Saiyidina ‘Alī kepada mereka dengan gaya seolah-olah berputus asa.

“Mengapa tidak?” Bertanya pula mereka lalu berkata: “Demi Allah, tidak ada siapa-siapa di antara umat Islam seluruhnya, termasuk Abū Bakr dan ‘Umar, yang mempunyai pertalian kerabat seperti pertalian kerabatmu dengan Rasulullah. Baginda sendiri pula telah dibela dan dipelihara semasa kecil oleh ayahanda dan bondamu. Engkau sendiri pula telah dipelihara dan dididik oleh baginda dan menjadi anak angkat baginda semenjak kecil lagi, dan engkau juga orang yang mula-mula memeluk Islam di antara kaum lelaki yang telah berdamping dengan baginda.”

Saiyidina ‘Alī pun memberanikan hatinya, lalu pergi mengadap Rasulullah dan memberi salam lalu duduk berhampiran dengan baginda. Tetapi Saiyidina ‘Alī masih malu dan tidak dapat menyatakan hajatnya.

Mengetahuilah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, bahawa kedatangan sepupunya dan sahabat karibnya itu ialah kerana suatu perkara yang dia segan hendak menyatakannya. Baginda pun bertanya kepadanya dengan lemah lembut:

“Apa hajat anak Abū Ṭālib?”

Dengan suara perlahan sambil menundukkan

pandangannya, Saiyidina ‘Alī menjawab:

“Hendak menyebut akan Fāṭimah binti Rasulullah

ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam.”

Dengan girang dan sukacita Nabi menyambut permintaan

Saiyidina ‘Alī itu, ujarnya:

Marḥaban wa ahlā!

Setelah itu Nabi diam tidak menambah lagi.

Saiyidina ‘Alī, lama juga duduk menunggu hendak

mendengar kata-kata Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang lebih jelas,

tetapi baginda masih diam tidak menambah walau sepetah pun.

Akhirnya Saiyidina ‘Alī meminta diri lalu beredar dari

situ dengan rupa resah gelisah, tidak tahu apa

hendak dikatakan kepada kaum keluarganya dan sahabat

handainya yang sedang menunggunya, dan hendak mengetahui

apa jawapan baginda kepadanya.

Setelah Saiyidina ‘Alī balik mendapatkan mereka, dan

setelah mereka mendesaknya berkali-kali supaya dia menceritakan

apa jawapan Nabi kepadanya, Saiyidina ‘Alī pun berkata:

“Tak tahulah demi Allah suatu pun. Aku telah

menyatakan perkara itu kepada Rasulullah, tetapi Rasulullah

hanya berkata kepada aku: *Marḥaban wa ahlā!*”

Dengan serentak mereka berkata:

“Sudah cukup. Sudah cukup engkau mendapat

jawapan Rasulullah (yang menunjukkan permintaanmu telah

diterima dengan segala hormatnya), walaupun hanya dengan

dua patah perkataan yang disebutkan itu.”

Mereka pun bersurai dengan meninggalkan Saiyidina

‘Alī dengan cita-cita yang diperbaharui dan hidup

pula harapannya.

Bersambung

(Riwayat hidup Sīti “Fāṭimah al-Zahrā”

raḍīya Allāhu ‘anhā, yang lengkap, dapat dibaca dalam buku

“Puteri-puteri Nabi” penerbitan Qalam yang baharu terbit).



Bacalah!

Isteri-isteri Nabi

Dipersesuaikan oleh: Ummu Muhsin daripada kitab

Nisā’ al-Nabī karangan Dr. Bint Al-Shati’

Sebuah buku yang

menggambarkan dengan sejelas-jelasnya

rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu*

‘alayhi wa sallam yang menjadi

ikutan dan contoh utama bagi

umat Islam seluruhnya.

Sebuah buku yang sangat

penting dibaca, terutama oleh

wanita-wanita Islam

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

tambah belanja mengirinya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.

